

BAB 3

Matematik Pengguna: Simpanan dan Pelaburan, Kredit dan Hutang



Apakah yang akan anda pelajari?

3.1

Simpanan dan Pelaburan

3.2

Pengurusan Kredit dan Hutang

Kenapa Belajar Bab Ini?

- Pengetahuan tentang simpanan dan pelaburan dapat membantu seseorang merancang kewangan.
- Konsep simpanan dan pelaburan digunakan dalam bidang perbankan, saham, hartanah, perniagaan, kewangan, perakaunan dan sebagainya.

“Sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit”.
Sbak peribahasa di atas, amalan menabung merupakan satu tabiat menyimpan duit untuk kegunaan pada masa depan. Sikap menabung yang diamalkan sejak kecil membantu seseorang menghadapi sebarang waktu kecemasan. Pelaburan yang dilakukan oleh seseorang individu haruslah tepat pada masanya mengikut pasaran semasa.





Eksplorasi Zaman

Sistem barter diamalkan sebelum penggunaan wang wujud dalam ekonomi dan merupakan suatu bentuk perniagaan yang paling awal di dunia.

Sejarah perkembangan wang bermula dengan evolusi tamadun manusia itu sendiri iaitu kira-kira 2 000 SM.



<http://yakini-pelajar.com/Eksplorasi%20Zaman/Bab%203/>

GERBANG KATA

- | | |
|---------------------|------------------------|
| • aspek kecairan | • <i>liquidity</i> |
| • faedah | • <i>interest</i> |
| • hutang | • <i>debt</i> |
| • kadar faedah | • <i>interest rate</i> |
| • kredit | • <i>credit</i> |
| • pelaburan | • <i>investment</i> |
| • pinjaman | • <i>loan</i> |
| • pinjaman peribadi | • <i>personal loan</i> |
| • pulangan | • <i>return</i> |
| • simpanan | • <i>saving</i> |

3.1 Simpanan dan Pelaburan

Apakah yang dimaksudkan dengan simpanan dan pelaburan?

Simpanan merujuk kepada wang lebihan yang disimpan di dalam peti besi, tabung atau laci. Wang lebihan juga boleh disimpan di bank yang akan memberi pulangan mengikut kadar faedah dan tempoh simpanan. Terdapat beberapa jenis cara simpanan yang lazim di bank.

STANDARD PEMBELAJARAN

Mengenal pelbagai jenis simpanan dan pelaburan.

BULETIN

Agensi kaunseling dan pengurusan kredit menggalakkan setiap individu menabung 10% daripada pendapatan bulanan mereka.

Akaun Simpanan



- Pemegang akaun simpanan boleh menyimpan sebarang amaun mengikut kemampuannya.
- Pemegang akaun menerima kadar faedah berdasarkan jumlah simpanan dan tempoh simpanan.
- Kadar faedah adalah lebih rendah berbanding dengan akaun simpanan tetap.
- Pemegang akaun boleh mengeluarkan wang simpanan pada bila-bila masa.
- Wang simpanan boleh dikeluarkan dengan menggunakan kad debit melalui mesin teler automatik (ATM).

Akaun Simpanan Tetap



- Menyimpan sejumlah wang tertentu untuk satu tempoh masa tertentu seperti 3 bulan, 9 bulan atau 1 tahun.
- Pemegang akaun akan ditawarkan kadar faedah yang lebih kompetitif berbanding dengan akaun simpanan.
- Wang simpanan tidak boleh dikeluarkan sehingga tempoh matang.
- Sekiranya wang dikeluarkan sebelum tempoh matang, maka kadar faedah yang sepatutnya diterima akan dikurangkan dan akan dibatalkan pada suatu masa.
- Sijil simpanan akan dikeluarkan kepada pemegang akaun.

Akaun Semasa



- Simpanan dalam akaun semasa boleh digunakan untuk tujuan peribadi atau perniagaan.
- Pemegang akaun boleh melakukan pembayaran kepada pihak lain melalui cek.
- Simpanan dalam akaun tidak dibayar faedah sebaliknya dikenakan caj perkhidmatan. Namun terdapat juga bank yang membayar faedah kepada pemegang akaun semasa. Hal ini tertakluk kepada pihak bank.
- Pemohon akaun semasa perlu mengemukakan seorang perujuk iaitu pemegang akaun semasa di cawangan bank yang sama untuk membuka akaun.
- Selain cek, pengeluaran biasanya dibenarkan melalui kad debit dan saluran lain seperti perbankan internet, perbankan telefon dan sebagainya.
- Pemegang akaun boleh menikmati kemudahan overdraf iaitu pengeluaran wang yang melebihi baki simpanan, tetapi dengan caj faedah.

Pelaburan ialah langkah alternatif untuk mendapatkan pulangan pada masa hadapan dalam bentuk pendapatan semasa dan keuntungan modal. Jenis-jenis pelaburan adalah seperti berikut:



Saham

Sesebuah syarikat akan menerbitkan saham bagi tujuan mengumpul modal. Individu yang membeli saham daripada sebuah syarikat merupakan pemilik syarikat dengan syarat tertentu. Pemegang saham akan menerima pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal.

Amanah Saham

Amanah saham dikendalikan oleh syarikat unit amanah yang diuruskan oleh pengurus profesional yang bertauliah dalam bidang pelaburan. Mereka yang tidak mempunyai pengetahuan tentang pembelian saham boleh mendapatkan bantuan dari syarikat unit amanah untuk menguruskan wang mereka. Syarikat unit amanah mengumpulkan wang daripada para pelabur dan wang itu dilaburkan dalam pelbagai syarikat yang berpotensi dengan tujuan memberikan pulangan yang menguntungkan para pelabur.

Hartanah

Pelaburan atas aset tidak alih seperti rumah kediaman, kedai, tanah dan sebagainya merupakan pelaburan dalam hartanah. Pelabur perlu mengambil kira pelbagai aspek sebelum melabur.

Faktor-faktor yang akan dipertimbangkan dalam pelaburan hartanah adalah seperti keadaan ekonomi, keupayaan menjana pendapatan iaitu sewa, lokasi serta prospek hartanah pada masa akan datang. Individu yang melabur dalam hartanah akan menerima pulangan pelaburan dalam bentuk sewa dan keuntungan modal.

BULETIN

Terdapat dua jenis pelabur iaitu pelabur agresif dan sederhana

- ♦ **Pelabur agresif**
– melabur di pasaran saham.
- ♦ **Pelabur sederhana**
– membeli amanah saham, bon dan dana ekuiti.

TIP

Saham Mewah (Saham Blue Chips) ialah saham syarikat-syarikat besar yang mempunyai rekod pencapaian perniagaan yang cemerlang seperti Maybank, TNB dan Petronas.

BULETIN

- ♦ Pulangan pelaburan terdiri daripada pendapatan semasa dan keuntungan modal.
- ♦ Pulangan pendapatan semasa – sewa, dividen, saham bonus.
- ♦ Keuntungan modal – pertambahan atau peningkatan nilai pelaburan daripada jumlah asalnya. Contohnya, harga saham meningkat daripada RM2.00 kepada RM2.20, maka peningkatan RM0.20 merupakan peningkatan nilai pelaburan.

KUIZ

Adakah pembelian insurans nyawa dan insurans kesihatan merupakan pelaburan atau simpanan?



Tujuan: Mengetahui jenis simpanan dan pelaburan.

Langkah:

1. Bahagikan kelas kepada kumpulan yang terdiri daripada lima atau enam orang murid. Setiap kumpulan harus menyatakan jenis simpanan dan pelaburan mengikut pernyataan yang diberikan serta jelaskan ciri-ciri simpanan dan pelaburan yang dinyatakan.
2. Maklumat yang dikumpul harus dibentangkan dalam bentuk laporan seperti di bawah.

	Jenis simpanan	Jenis pelaburan	Penerangan
1. Encik Rizal menyimpan sejumlah RM300 di dalam bank.	Simpanan		Akaun simpanan – jumlah wang yang disimpan adalah kecil dan akan dikeluarkan pada bila-bila masa.
2. Cik Zeti merupakan seorang peniaga yang menyimpan sejumlah wang di dalam bank dengan tujuan untuk mengeluarkan cek apabila hendak membayar kepada pemiutang.			
3. Puan Rani menggunakan wang yang diterima daripada bapanya untuk membeli satu lot kedai.			
4. Puan Faridah menyimpan sejumlah wang sebanyak RM20 000 di dalam bank untuk membiayai pendidikan anak-anaknya pada masa hadapan.			
5. Encik Lee membeli 1 000 unit amanah saham.			
6. Cik Sharon membeli 4 000 unit syer Bank Orkid Berhad yang bernilai RM1.00 sesyer di Bursa Saham Kuala Lumpur.			

Perbincangan:

Nyatakan kelebihan dan kekurangan bagi setiap jenis simpanan dan pelaburan yang dinyatakan.

Hasil daripada Cetusan Minda 1, didapati bahawa simpanan dan pelaburan adalah berbeza.

UJI MINDA 3.1a

1. Apakah tujuan seseorang individu melakukan simpanan?
2. Bapa anda mempunyai RM5 000 dan tidak menggunakannya untuk satu jangka masa panjang. Apakah nasihat anda kepada beliau? Jelaskan jawapan anda.
3. Mengapakah kebanyakan orang tidak berminat untuk membuka akaun semasa selain para peniaga?

Apakah yang anda faham tentang faedah simpanan?

Faedah simpanan merupakan ganjaran yang dibayar oleh institusi kewangan seperti bank kepada penyimpan. Faedah boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu **faedah mudah** dan **faedah kompaun**.

Faedah mudah

Faedah mudah ialah ganjaran yang diberikan kepada penyimpan mengikut suatu kadar tertentu ke atas jumlah wang simpanan (prinsipal) untuk suatu tempoh masa (dalam tahun) yang tertentu.

STANDARD PEMBELAJARAN

Membuat pengiraan yang melibatkan faedah mudah dan faedah kompaun bagi simpanan, dan seterusnya menerangkan kesan perubahan tempoh, kadar faedah atau pulangan dan kekerapan pengkompaunan terhadap nilai masa hadapan simpanan.

Contoh 1

Encik Zainal menyimpan sebanyak RM4 000 di Bank Bunga Raya dengan kadar faedah 2% untuk setahun. Berapakah faedah yang diperoleh Encik Zainal selepas 1 tahun?

Penyelesaian:

Prinsipal yang disimpan oleh Encik Zainal ialah RM4 000. Maka, 2% daripada RM4 000 ialah

$$\text{RM4 000} \times \frac{2}{100} = \text{RM80}$$

Selepas 1 tahun, faedah yang diperoleh Encik Zainal ialah

$$\begin{aligned}\text{Faedah} &= \text{RM80} \times 1 \\ &= \text{RM80}\end{aligned}$$

Faedah mudah boleh dihitung dengan menggunakan formula berikut:

$$I = Prt$$

I ialah faedah (*interest*), P ialah prinsipal (*principal*), r ialah kadar faedah (*rate*) dan t ialah masa (*time*) dalam tahun.

Contoh 2

Encik Badrul menyimpan sebanyak RM5 000 di bank dengan kadar faedah 3% setahun bagi tempoh 2 tahun. Hitung jumlah faedah yang akan diperoleh Encik Badrul bagi tempoh 2 tahun tersebut.

Penyelesaian:

$$P = 5\,000 \quad r = 3\% = \frac{3}{100} = 0.03 \quad t = 2$$

Maka, faedah $I = Prt$

$$\begin{aligned}&= \text{RM5 000} \times \frac{3}{100} \times 2 \\ &= \text{RM300}\end{aligned}$$

TIP

Kadar diberi dalam bentuk peratus. Jadi, kita mesti bahagi kadar dengan seratus. Jika masa diberi dalam bulan, jangan lupa tukar kepada tahun dengan bahagi dengan 12 bulan.

Contoh 3

Cik Wong menyimpan sebanyak RM10 000 di Bank Murni dengan kadar faedah 4% setahun. Hitung jumlah faedah yang diperoleh Cik Wong selepas 6 bulan?

Penyelesaian:

$$\begin{aligned} I &= Prt \\ &= \text{RM}10\,000 \times \frac{4}{100} \times \frac{6}{12} \\ &= \text{RM}200 \end{aligned}$$

Apakah kesan terhadap faedah mudah akibat perubahan tempoh simpanan?

Perubahan dalam tempoh simpanan di bank membawa pulangan yang berbeza.

Contoh 4

Encik Nazrin menyimpan sebanyak RM8 000 di Bank Desa dengan kadar faedah 3% setahun. Hitung jumlah simpanan Encik Nazrin selepas beliau menyimpan selama

(a) 2 tahun

(b) 3 tahun

Penyelesaian:

Rumus untuk mengira faedah, $I = Prt$

Prinsipal = RM8 000

Kadar faedah = 3%

(a) 2 tahun

$$\text{Faedah} = \text{RM}8\,000 \times \frac{3}{100} \times 2 = \text{RM}480$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah simpanan pada akhir tahun kedua} \\ &= \text{RM}8\,000 + \text{RM}480 \\ &= \text{RM}8\,480 \end{aligned}$$

(b) 3 tahun

$$\text{Faedah} = \text{RM}8\,000 \times \frac{3}{100} \times 3 = \text{RM}720$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah simpanan pada akhir tahun ketiga} \\ &= \text{RM}8\,000 + \text{RM}720 \\ &= \text{RM}8\,720 \end{aligned}$$

Berdasarkan contoh di atas, didapati bahawa semakin lama tempoh penyimpanan (di bank), maka semakin tinggi jumlah faedah yang diperoleh. Dengan ini secara langsung jumlah akhir simpanan juga bertambah.

Apakah kesan jika kadar faedah yang diberi berbeza bagi prinsipal yang sama?

Ayah, apakah kesan kepada jumlah pulangan tahunan jika kadar faedah adalah berbeza bagi prinsipal yang sama?



Sudah tentu jumlah pulangan tahunan yang akan diterima adalah berbeza.

Contoh 5

Puan Vanmathy menyimpan sebanyak RM5 000 di sebuah bank. Berapakah jumlah simpanan Puan Vanmathy selepas 1 tahun jika kadar faedah yang diberikan ialah

(a) 5% setahun

(b) 6% setahun

Apakah beza jumlah faedah yang diperoleh Puan Vanmathy dalam kedua-dua situasi di atas?

Penyelesaian:

Jumlah simpanan	Kadar faedah	Tempoh simpanan (tahun)	Jumlah Faedah	Jumlah simpanan selepas 1 tahun
RM5 000	5%	1	$RM5\,000 \times \frac{5}{100} \times 1$ = RM250	RM5 000 + RM250 = RM5 250
RM5 000	6%	1	$RM5\,000 \times \frac{6}{100} \times 1$ = RM300	RM5 000 + RM300 = RM5 300

Beza jumlah faedah yang diterima ialah $RM300 - RM250 = RM50$.

Berdasarkan Contoh 5, bagi prinsipal yang sama, apabila kadar faedah bertambah, maka jumlah simpanan akhir tahun juga bertambah.

KU I Z

Mengapakah akaun simpanan tetap diberikan faedah yang tinggi berbanding akaun simpanan?

TIP

↑ kadar faedah ↑ semakin tinggi pulangan
↓ kadar faedah ↓ semakin rendah pulangan

Faedah kompaun

Faedah kompaun ialah faedah yang dihitung berdasarkan prinsipal asal dan juga faedah yang terkumpul daripada tempoh penyimpanan sebelumnya.

Faedah kompaun berbeza daripada faedah mudah dari segi jumlah simpanan yang akan digunakan untuk penghitungan faedah.

Bagi faedah kompaun, kekerapan pengkompaunan ke atas prinsipal boleh berbeza. Contohnya, dikompaun setahun sekali ataupun 3 bulan sekali dan sebagainya.

Merujuk kepada Contoh 4(a), sekiranya Encik Nazrin diberikan faedah kompaun dengan pengkompaunan sekali setahun, apakah jumlah simpanan beliau pada akhir tahun kedua?

Pada tahun pertama, jumlah faedah yang diterima ialah

$$RM8\,000 \times \frac{3}{100} = RM240.$$

Maka, jumlah simpanan pada akhir tahun pertama ialah RM8 240.

Bagi tahun kedua, jumlah simpanan yang digunakan untuk penghitungan faedah ialah RM8 240 (prinsipal + faedah tahun pertama). Maka, faedah pada akhir tahun kedua ialah

$$RM8\,240 \times \frac{3}{100} = RM247.20.$$

Dengan ini, jumlah simpanan Encik Nazrin pada akhir tahun kedua ialah $RM8\,240 + RM247.20 = RM8\,487.20$.



Imbas QR Code atau layari <http://yakini-pelajar.com/Bab%203%20Kompaun/Kompaun%20Bab%203.pdf> untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang faedah kompaun.

Secara umum, rumus penghitungan yang melibatkan faedah kompaun ialah:

$$MV = P \left(1 + \frac{r}{n} \right)^{nt}$$

MV = nilai matang (*matured value*)

P = prinsipal (*principal*)

r = kadar faedah tahunan (*the yearly interest rate*)

n = bilangan kali faedah dikompaun

dalam setahun (*number of periods*

the interest is compound per year)

t = tempoh dalam tahun (*term in years*)

Berdasarkan contoh Encik Nazrin, didapati bahawa;

$$P = 8\,000, \quad r = 0.03, \quad n = 1, \quad t = 2.$$

Maka, jumlah simpanan pada akhir tahun kedua untuk Encik Nazrin ialah

$$\begin{aligned} MV &= P \left(1 + \frac{r}{n} \right)^{nt} \\ &= \text{RM}8\,000 \left(1 + \frac{0.03}{1} \right)^{(1)(2)} \\ &= \text{RM}8\,000 (1.0609) \\ &= \text{RM}8\,487.20 \end{aligned}$$

Contoh 6

Pada awal suatu tahun, Puan Liew Foong menyimpan RM15 000 dalam akaun simpanan dengan kadar 4% setahun dan pengkompaunan setiap 6 bulan. Berapakah jumlah wang simpanan Puan Liew Foong pada akhir tahun ketiga?

Penyelesaian:

$$P = 15\,000 \quad r = \frac{4}{100} = 0.04 \quad n = 2 \quad t = 3$$

$$\begin{aligned} MV &= P \left(1 + \frac{r}{n} \right)^{nt} \\ &= 15\,000 \left(1 + \frac{0.04}{2} \right)^{(2)(3)} \\ &= 15\,000 (1.1262) \\ &= \text{RM}16\,892.44 \end{aligned}$$

KUIZ

Apakah kesan kepada jumlah pulangan terkumpul, jika kadar pengkompaunan dalam setahun meningkat?

Contoh 7

Sebuah bank menawarkan kadar faedah 5% setahun untuk simpanan dalam akaun simpanan tetap. Jika Puan Wahidah menyimpan RM10 000 pada awal tahun, berapakah jumlah wang dalam akaun simpanan tetap beliau pada akhir tahun jika faedah dikompaunkan

(a) 3 bulan sekali

(b) sebulan sekali

Penyelesaian:

$$P = 10\,000 \quad r = \frac{5}{100} = 0.05 \quad t = 1$$

$$MV = P \left(1 + \frac{r}{n} \right)^{nt}$$

BULETIN

Faktor inflasi juga mempengaruhi nilai mata wang. Sekiranya kadar inflasi meningkat, kuasa membeli yang diperoleh daripada RM1 akan berkurangan.

(a) $n = 4$ Maka, $MV = 10\,000 \left(1 + \frac{0.05}{4}\right)^{(4)(1)}$ $= \text{RM}10\,509.45$	(b) $n = 12$ Maka, $MV = 10\,000 \left(1 + \frac{0.05}{12}\right)^{(12)(1)}$ $= \text{RM}10\,511.62$
--	---

Daripada Contoh 7, didapati bahawa apabila kekerapan pengkompaunan bertambah, nilai masa hadapan simpanan juga bertambah.

Contoh 8

Encik Charles menyimpan wang sebanyak RM6 000 dalam akaun simpanan tetap di Bank Berjaya selama 2 tahun dengan kadar faedah 6% setahun. Apakah perbezaan di antara jumlah faedah yang diperoleh Encik Charles jika beliau diberikan faedah kompaun (dengan pengkompaunan 4 bulan sekali) berbanding dengan faedah mudah?

Penyelesaian:

Faedah mudah	Faedah kompaun
Faedah, $I = Prt$ $= \text{RM}6\,000 \times \frac{6}{100} \times 2$ $= \text{RM}720$	$MV = P \left(1 + \frac{r}{n}\right)^{nt}$ $= 6\,000 \left(1 + \frac{0.06}{3}\right)^{(3)(2)}$ $= \text{RM}6\,756.97$ Jumlah faedah yang terkumpul $\text{RM}6\,756.97 - \text{RM}6\,000 = \text{RM}756.97$

Maka, perbezaan jumlah di antara faedah mudah dengan faedah kompaun (dengan kekerapan 4 bulan sekali) ialah

$$\text{RM}756.97 - \text{RM}720 = \text{RM}36.97$$

Berdasarkan Contoh 8, adalah jelas bahawa simpanan dengan faedah kompaun membawa pulangan yang lebih tinggi berbanding simpanan dengan faedah mudah.

Perbankan Islam

Malaysia mengamalkan perbankan dwisistem iaitu sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan Islam.



Contoh 9

Encik Osman menyimpan RM20 000 dalam akaun simpanan di sebuah bank Islam, mengikut prinsip wadiah selama 1 tahun. Pada akhir tahun tersebut, beliau menerima sebanyak RM20 500 sebagai pulangan daripada simpanan tersebut. Tambahan RM500 merupakan hibah (hadiah) dari bank. Hitung peratus hibah yang diperoleh Encik Osman.

Penyelesaian:

$$\text{Peratus hibah} = \frac{\text{RM500}}{\text{RM20 000}} \times 100\% = 2.5\%$$

2.5% ini sebagai rujukan sahaja pada masa akan datang bagi penyimpan dan bukannya tetap.

BULETIN

Prinsip wadiah

Harta atau wang tunai yang diterima dengan persetujuan pelanggan untuk disimpan di dalam bank. Pihak bank bertanggungjawab atas keselamatan harta atau wang itu.

UJI MINDA 3.1b

1. Puan Nathania menandatangani RM500 ke dalam akaun simpanannya yang memberikan kadar faedah 4% setahun dan dikompaun setiap suku tahun. Berapakah jumlah wang simpanan Puan Nathania pada akhir tahun kelima?
2. Encik Chong menandatangani RM1 000 ke dalam akaun simpanannya yang memberi kadar faedah 5% setahun dan dikompaun setiap setengah tahun. Berapakah jumlah wang simpanan Encik Chong pada akhir tahun ketiga?
3. Puan Aminah menandatangani RM100 ke dalam akaun simpanannya yang memberi kadar faedah 3% setahun dan dikompaun setiap bulan. Berapakah jumlah wang simpanan Puan Aminah pada akhir tahun kedua?

Apakah yang anda faham tentang nilai pulangan pelaburan (ROI)?

Nilai pulangan pelaburan merujuk kepada nilai pulangan atas setiap ringgit yang dilaburkan oleh pelabur. Dalam erti kata lain, nilai pulangan pelaburan juga merupakan nisbah keuntungan atau kerugian yang diperoleh daripada suatu pelaburan.

Secara umumnya, pelabur lebih gemar menilai pulangan pelaburan dalam bentuk peratus. Nilai pulangan pelaburan akan menggambarkan keuntungan atau kerugian yang dicapai oleh seseorang pelabur dalam pelaburannya.

Sesuatu pelaburan dianggap sebagai menguntungkan (pelaburan yang bijak) apabila nilai pelaburan semasa dan jumlah pulangan yang diterima adalah melebihi nilai pelaburan asal.

Begitu juga, apabila jumlah pulangan dan nilai pulangan semasa kurang daripada nilai pelaburan asal maka pelaburan itu tidak menguntungkan.

Formula untuk menghitung nilai pulangan pelaburan ialah

$$\text{Nilai pulangan pelaburan} = \frac{\text{Jumlah pulangan}}{\text{Nilai pelaburan awal}} \times 100\%$$

STANDARD PEMBELAJARAN

Membuat pengiraan yang melibatkan nilai pulangan pelaburan, dan seterusnya menerangkan faktor yang mempengaruhi pulangan pelaburan serta kesannya.

BULETIN

Koperasi sekolah mengisytiharkan dividen pada akhir tahun kewangan bagi setiap tahun. Dividen yang diisytiharkan menentukan nilai pulangan atas saham yang dibeli oleh setiap ahli koperasi.

Selain itu, pelabur juga mempunyai jangkaan kadar pulangan daripada sesuatu pelaburan yang dilabur. Contohnya jika seseorang pelabur menjangkakan kadar pulangan sebanyak 10% daripada pelaburan mereka, namun belum pasti kadar pulangan sebenar yang akan diterima pada akhir sesuatu pelaburan adalah sama seperti yang dijangkakan.

Instrumen pelaburan terdiri daripada amanah saham, saham, hartanah dan sebagainya. Setiap instrumen pelaburan ini akan membawa pulangan.


Amanah Saham

Amanah saham adalah antara alternatif pelaburan yang baik untuk pelaburan jangka masa sederhana (3 ke 5 tahun) dan jangka panjang (lebih daripada 5 tahun).

Pelaburan dalam amanah saham adalah berisiko rendah kerana diuruskan oleh pengurus dana profesional yang dikawal selia oleh suruhanjaya sekuriti dan juga dipantau oleh Bank Negara Malaysia.

Pelaburan dalam amanah saham membolehkan pelabur mempelbagaikan pelaburan mereka dengan modal yang kecil.

Berikut merupakan pulangan untuk amanah saham.



Contoh 10

Pada 1 Januari 2018, Puan Siti melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak 3 000 unit yang bernilai RM2.00 seunit. Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018, Amanah Saham Bumiputera membayar dividen sebanyak 5%. Pada 1 Januari 2019 Puan Siti menjual semua saham yang dimiliki dengan harga RM2.20 seunit. Berapakah nilai pulangan pelaburan bagi Puan Siti?

Penyelesaian:

Langkah pengiraan dividen

$$\begin{aligned}\text{Modal awal} &= 3\,000 \times \text{RM}2.00 \\ &= \text{RM}6\,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Dividen} &= \frac{5}{100} \times (3\,000 \text{ unit} \times \text{RM}2.00) \\ &= \text{RM}300\end{aligned}$$

$$\text{Peningkatan harga saham} = \text{RM}2.20 - \text{RM}2.00 = \text{RM}0.20$$

$$\begin{aligned}\text{Keuntungan modal} &= \text{RM}0.20 \times 3\,000 \text{ unit} \\ &= \text{RM}600\end{aligned}$$


$$\text{Jumlah pulangan} = \text{RM}300 + \text{RM}600 = \text{RM}900$$

$$\text{Nilai pulangan pelaburan} = \frac{\text{RM}900}{\text{RM}6\,000} \times 100\% = 15\%$$

Nilai pulangan pelaburan ini menguntungkan Puan Siti kerana beliau memperoleh dua jenis pulangan iaitu dividen dan keuntungan modal daripada peningkatan nilai saham daripada RM2.00 kepada RM2.20.

Apakah yang anda faham tentang pulangan atas pelaburan bagi hartanah?

Pelaburan atas hartanah merupakan salah satu pelaburan yang membawa pulangan dalam bentuk sewa dan keuntungan modal. Apabila suatu hartanah disewakan, pemilik (pelabur) hartanah tersebut akan menerima pulangan dalam bentuk sewa. Jika hartanah tersebut dijual, pemilik (pelabur) akan menerima keuntungan modal atau kerugian modal.



Contoh 11

Encik Yusuf membeli satu lot kedai dengan harga RM600 000 pada 1 Januari 2017 di Bangi. Beliau telah membayar 10% daripada nilai belian lot kedai tersebut, iaitu sebanyak RM60 000. Lot kedai tersebut disewakan mulai 1 Januari 2017. Pada 31 Disember 2026 beliau menjual lot kedai tersebut dengan harga RM1 300 000. Jumlah pinjaman masih berhutang kepada pihak bank berjumlah RM486 000. Manakala, jumlah ansuran bulanan yang telah dilunaskan kepada pihak bank berjumlah RM450 000. Caj-caj lain yang terlibat dalam urusan jual beli adalah seperti berikut:

Kos guaman	RM15 000
Duti setem (semasa urusan jual beli)	RM15 000
Komisen ejen	RM18 000

BULETIN

Duti setem

Cukai yang dikenakan atas dokumen atau surat yang mempunyai kesan perundangan, komersial atau kewangan seperti di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949.

Kos guaman

Bayaran kepada peguam untuk melakukan kerja pindah milik harta bagi pihak pembeli.

Komisen

Fee dibayar oleh penjual hartanah kepada ejen bagi urusan jualan hartanah.

Jumlah sewa yang diperoleh sepanjang pegangan lot kedai tersebut ialah sebanyak RM200 000. Hitung nilai pulangan pelaburan yang diperoleh Encik Yusuf.

Penyelesaian:

$$\text{Jumlah sewa} = \text{RM}200\,000$$

$$\begin{aligned}\text{Keuntungan modal} &= \text{RM}1\,300\,000 - \text{RM}486\,000 - \text{RM}60\,000 - \text{RM}15\,000 - \text{RM}15\,000 \\ &\quad - \text{RM}18\,000 - \text{RM}450\,000 \\ &= \text{RM}256\,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pulangan} &= \text{RM}200\,000 + \text{RM}256\,000 \\ &= \text{RM}456\,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Nilai pulangan pelaburan} &= \frac{\text{RM}456\,000}{\text{RM}600\,000} \times 100\% \\ &= 76\%\end{aligned}$$

Contoh 12

Encik Hussein membeli sebuah rumah pada 1 Januari 2015 di Cheras dengan harga RM300 000 dan menjelaskan 10% wang pendahuluan sebanyak RM30 000. Beliau mengharapkan pulangan sebanyak 30% dalam tempoh 20 tahun.



Encik Hussein menjual rumah tersebut pada harga RM600 000 setelah genap memiliki rumah tersebut selama 20 tahun. Jumlah pinjaman yang telah dilunaskan kepada pihak bank berjumlah RM475 000. Dalam tempoh tersebut, beliau berjaya memperoleh sewa sebanyak RM60 000. Perbelanjaan-perbelanjaan lain yang terlibat adalah seperti berikut:

Duti setem (semasa urusan jual beli)	RM4 000
Komisen ejen	RM2 000
Kos guaman semasa urusan jual beli	RM4 000

Apakah nilai pulangan pelaburan bagi Encik Hussein selama 20 tahun? Adakah beliau mencapai hasratnya untuk mendapatkan pulangan sebanyak 30%?

Penyelesaian:

Jumlah pulangan pelaburan

$$= \text{Sewa} + \text{Keuntungan modal}$$

$$= \text{RM}60\,000 + (\text{RM}600\,000 - \text{RM}30\,000 - \text{RM}475\,000 - \text{RM}4\,000 - \text{RM}2\,000 - \text{RM}4\,000)$$

$$= \text{RM}60\,000 + \text{RM}85\,000$$

$$= \text{RM}145\,000$$

$$\begin{aligned}\text{Nilai pulangan pelaburan} &= \frac{\text{RM}145\,000}{\text{RM}300\,000} \times 100\% \\ &= 48.33\%\end{aligned}$$

Encik Hussein berjaya memperoleh kadar pulangan sebanyak 48.33%. Kadar ini melebihi kadar pulangan yang diharapkan iaitu 30%.

Dalam pelaburan atas hartanah terdapat faktor yang mempengaruhi nilai pulangan pelaburan. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi nilai pulangan pelaburan adalah seperti berikut:



UJI MINDA 3.1c

1. Apakah yang dimaksudkan dengan nilai pulangan pelaburan atau ROI?

2.



Pada 1 Januari 2019, Encik Moses membeli sebuah inap desa dengan harga RM250 000.

Kadar sewa sehari ialah RM100.

Secara purata 20 hari dalam sebulan inap desa tersebut akan diinap oleh penghuni.

(a) Hitung sewa bulanan.

(b) Hitung jumlah pulangan pelaburan jika inap desa ini dijual dengan harga RM480 000 pada akhir tahun tersebut.

3. Pada 1 Januari 2018, Rahim melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak 4 000 unit bernilai RM1 seunit. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, ASB membayar dividen sebanyak 8%.

Berapakah dividen yang diterima oleh Rahim pada tahun tersebut?

Apakah faktor yang perlu diambil kira sebelum seseorang membuat pelaburan?

STANDARD PEMBELAJARAN

Membanding dan membeza potensi risiko, pulangan dan kecairan pelbagai jenis simpanan dan pelaburan.

Tiga faktor yang harus diambil kira oleh seseorang pelabur sebelum membuat pelaburan adalah seperti berikut:

Potensi risiko pelaburan	Kemungkinan sesuatu ketidakpastian yang mungkin dialami daripada pelaburan yang dilakukan.
Tahap pulangan	Keuntungan yang dinikmati oleh pelabur daripada aktiviti pelaburan yang dilakukan.
Aspek kecairan	Berkaitan seberapa segera boleh ditunaikan daripada sesuatu pelaburan atau simpanan tersebut.

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan pelbagai jenis simpanan dan pelaburan oleh individu dari segi tahap risiko, tahap pulangan dan tahap kecairan.

Jenis pelaburan	Tahap risiko	Tahap pulangan	Tahap kecairan
Simpanan	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
Simpanan tetap	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
Saham syarikat	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Hartanah	Rendah	Tinggi	Rendah
Unit amanah	Rendah	Sederhana	Tinggi

TIP

Cara yang boleh digunakan untuk mengurangkan risiko pelaburan adalah dengan mempelbagaikan portfolio pelaburan. Ini membantu mengimbangi risiko antara satu sama lain dan seterusnya boleh mengurangkan risiko dalam portfolio pelaburan.

BULETIN

Portfolio
Pelbagai tahap jenis pelaburan.

UJI MINDA 3.1d

1. Jelaskan hubungan antara risiko dengan pulangan dalam pelaburan.
2. Potensi risiko dalam simpanan di bank adalah sifar berbanding dengan pelaburan. Jelaskan pernyataan ini.
3. Mengapakah amanah saham mempunyai tahap kecairan tinggi?
4. Hartanah mempunyai potensi risiko yang rendah. Jelaskan.
- 5.



Encik Osman mendirikan sebuah inap desa di atas lot tanah yang dibeli dengan harga RM250 000. Kos keseluruhan bagi mewujudkan inap desa ini berjumlah RM500 000.

- (a) Apakah jenis pelaburan yang dilakukan oleh Encik Osman?
- (b) Nyatakan potensi risiko, pulangan dan kecairan atas pelaburan yang dilakukan oleh Encik Osman.
- (c) Pada pendapat anda, adakah pelaburan yang dilakukan oleh Encik Osman merupakan satu langkah bijak? Berikan justifikasi jawapan anda.

Apakah yang anda faham tentang strategi pemurataan?

Strategi pemurataan merupakan satu teknik yang biasa diamalkan oleh pelabur yang melabur dalam saham dengan amaun yang tetap untuk tempoh yang tertentu seperti bulanan, suku bulanan, atau tahunan tanpa mengambil kira keadaan pasaran saham.

Strategi pemurataan boleh membantu pelabur membeli saham dengan kos purata yang lebih rendah dan jumlah saham yang dimiliki juga lebih banyak dalam tempoh masa pelaburan yang sama berbanding dengan pembelian sekali gus atau dengan pembelian secara tunggal.

Contohnya Puan Hasniza mempunyai RM12 000 dan membeli saham sekali gus dari Syarikat Sempurna dengan harga RM2.00 seunit saham. Dengan cara ini, Puan Hasniza hanya akan memiliki 6 000 unit saham ($6\,000 \text{ unit saham} \times \text{RM}2.00 = \text{RM}12\,000$). Namun keadaan akan berbeza jika Puan Hasniza membeli saham mengikut strategi pemurataan.

Jadual di bawah menunjukkan carta pelaburan Puan Hasniza dalam tempoh 1 tahun mengikut strategi pemurataan iaitu pembelian saham mengikut setiap bulan.

Bulan	Jumlah pelaburan (RM)	Harga seunit (RM)	Bilangan unit = $\frac{\text{Jumlah pelaburan}}{\text{Harga seunit}}$
Januari	1 000	2.00	500
Februari	1 000	1.80	555
Mac	1 000	1.80	555
April	1 000	1.70	588
Mei	1 000	1.70	588
Jun	1 000	1.60	625
Julai	1 000	1.60	625
Ogos	1 000	1.50	666
September	1 000	1.60	625
Oktober	1 000	2.20	454
November	1 000	2.30	434
Disember	1 000	1.90	526
	12 000	1.78 (kos purata seunit syer)	6 741 (bilangan unit yang dimiliki)

Dengan strategi pemurataan seperti di atas, Puan Hasniza memperoleh 6 741 unit dengan menggunakan RM12 000.

Strategi pemurataan

$$\text{Kos Purata} = \frac{\text{Jumlah pelaburan}}{\text{Bilangan unit saham yang dimiliki}}$$

$$\text{Kos purata seunit saham} = \frac{\text{RM}12\,000}{6\,741} = \text{RM}1.78$$

STANDARD PEMBELAJARAN

Mengira purata kos sesyer bagi pelaburan saham menggunakan strategi pemurataan kos ringgit dan menjelaskan manfaat strategi ini.

TIP

Strategi pemurataan membolehkan seseorang supaya tidak membeli saham pada harga yang tinggi ataupun membeli unit saham sebelum mencapai harga yang paling rendah.

Contoh 13

Berikut ialah dua orang pelabur yang melabur dengan cara yang berbeza.



Puan Esther Wong

Saya mempunyai RM20 000 dan ingin melabur dalam saham mengikut bulan-bulan tertentu dalam amaun yang sama.

Saya pula ingin melabur RM20 000 secara sekali gus dengan membeli saham Syarikat Pelita yang berharga RM2.00 seunit.



Puan Linda

Pembelian saham oleh Puan Esther Wong mengikut bulan-bulan tertentu:

Bulan	Januari	Mac	Mei	Ogos	Disember
Harga saham seunit (RM)	2.00	1.80	1.60	2.10	2.00

- Kenal pasti kos purata seunit dan jumlah saham yang dimiliki oleh Puan Linda dan Puan Esther Wong.
- Siapakah pelabur yang bijak? Berikan justifikasi anda.

Penyelesaian:

- Puan Linda

$$\text{Jumlah saham} = \frac{\text{RM20 000}}{\text{RM2.00}} = 10\,000 \text{ unit saham}$$

$$\begin{aligned} \text{Kos purata seunit saham} &= \frac{\text{RM20 000}}{10\,000 \text{ unit saham}} \\ &= \text{RM2.00} \end{aligned}$$

Puan Esther Wong

Bulan	Jumlah pelaburan	Harga seunit (RM)	Bilangan unit saham
Januari	4 000	2.00	2 000 unit
Mac	4 000	1.80	2 222 unit
Mei	4 000	1.60	2 500 unit
Ogos	4 000	2.10	1 904 unit
Disember	4 000	2.00	2 000 unit
	20 000		10 626 unit saham

$$\text{Jumlah saham} = 10\,626 \text{ unit saham}$$

$$\text{Kos purata seunit saham} = \frac{\text{RM20 000}}{10\,626 \text{ unit}} = \text{RM1.88}$$

- Puan Esther Wong merupakan seorang pelabur yang bijak kerana mengamalkan strategi pemurataan yang boleh membantu beliau memiliki lebih banyak saham dengan kos purata seunit yang lebih rendah.

Kelebihan strategi pemurataan bagi pelabur

Membantu mengambil kesempatan daripada perubahan harga seunit

- Apabila harga saham rendah, lebih banyak unit saham dapat dibeli.
- Hal ini secara tidak langsung membantu pelabur memiliki lebih banyak saham dalam jangka masa panjang.

Purata kos seunit amanah saham yang dibeli oleh pelabur boleh dikurangkan dalam jangka masa yang panjang.

Tidak dipengaruhi oleh emosi

- Melabur secara berkala dan konsisten tanpa dipengaruhi oleh emosi yang mungkin berubah-ubah disebabkan harga saham turun naik.

Mengurangkan risiko kerugian

- Jumlah pelaburan secara berkala dan konsisten boleh membantu pelabur membeli mengikut keadaan semasa berbanding dengan melabur sekali gus dan tidak ada peluang untuk mengelakkan kerugian.

UJI MINDA 3.1e

1. Apakah yang anda faham tentang strategi pemurataan dalam pembelian saham?
2. Berikut ialah dua orang pelabur yang melabur dengan cara yang berbeza.

Pelabur 1

Encik Derick melabur RM24 000 secara sekali gus dengan membeli saham Wawasan yang berharga RM2.00 seunit saham.

Pelabur 2

Encik Sulaiman mempunyai RM24 000 dan melabur secara berkala dan konsisten sebanyak RM2 000 setiap bulan dengan membeli saham Wawasan.

Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Harga Saham Seunit (RM)	2.00	1.80	1.70	1.60	2.10	1.50	2.20	2.00	2.00	1.60	1.70	1.80

Jadual di atas menunjukkan harga saham yang dibeli oleh Encik Sulaiman mengikut bulan.

- (a) Pelabur manakah merupakan seorang pelabur yang bijak? Berikan justifikasi anda.
- (b) Hitung kos purata seunit dan jumlah saham yang dimiliki oleh Encik Sulaiman.
- (c) Nyatakan kelebihan membeli saham mengikut strategi pemurataan.

Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah berkaitan simpanan dan pelaburan?


STANDARD PEMBELAJARAN

Menyelesaikan masalah yang melibatkan simpanan dan pelaburan.


Contoh 14

Encik Zaidi, Encik Leong dan Encik Navin telah bersara dan masing-masing menerima wang persaraan daripada syarikatnya sebanyak RM400 000. Mereka bertiga melakukan pelaburan menggunakan cara pelaburan yang berbeza.


Siapakah pelabur yang bijak?



Encik Zaidi membeli sebuah pangsapuri kos sederhana di Kajang yang bernilai RM150 000 dan menerima sewa sebanyak RM800 sebulan. Wang selebihnya disimpan dalam simpanan tetap dengan kadar faedah 4% setahun.



Encik Leong melabur RM400 000 dalam Syarikat Manis dengan membeli saham yang berharga RM2.00 seunit. Pada tahun tersebut, syarikat itu mengisytiharkan dividen sebanyak 8%.



Encik Navin menyimpan RM200 000 dalam akaun simpanan dengan kadar faedah sebanyak 1% setahun dan baki RM200 000 disimpan dalam akaun simpanan tetap dengan kadar faedah 4% setahun.

Penyelesaian:

Encik Zaidi

Tahap risiko	Tahap risiko bagi hartanah (pangsapuri) dan simpanan tetap adalah rendah.		
Pulangan atas pelaburan	Menerima pulangan atas pelaburan dalam bentuk sewa dan faedah.		
	Sewa	Faedah simpanan	Nilai pulangan pelaburan (ROI)
	$RM800 \times 12 = RM9\ 600$	$\frac{4}{100} \times RM250\ 000$ $= RM10\ 000$	$ROI = \frac{RM19\ 600}{RM400\ 000} \times 100\%$ $= 4.9\%$
Kecairan	Simpanan mudah dijadikan tunai manakala hartanah mengambil masa untuk dijual.		

Encik Leong

Tahap risiko	Tahap risiko adalah tinggi.		
Pulangan atas pelaburan	Menerima dividen dan bonus bergantung pada prestasi syarikat yang dilabur. Jika beliau menjual saham, belum pasti beliau akan dapat menjual saham tersebut pada harga yang lebih tinggi berbanding dengan harga pembeliannya. Hal ini bergantung pada keadaan ekonomi dan prestasi syarikat saham pada ketika itu.		
	$Dividen = 400\ 000 \times \frac{8}{100}$ $= RM32\ 000$	$ROI = \frac{RM32\ 000}{RM400\ 000} \times 100\%$ $= 8\%$	
Kecairan	Sederhana.		

Encik Navin

Tahap risiko	Tahap risiko adalah rendah.		
Pulangan atas pelaburan	Menerima pulangan atas pelaburan dalam bentuk faedah sahaja.		
	Faedah simpanan	Faedah simpanan tetap	Nilai pulangan pelaburan (ROI)
	$RM200\ 000 \times \frac{1}{100}$ $= RM2\ 000$	$\frac{4}{100} \times RM\ 200\ 000$ $= RM8\ 000$	$ROI = \frac{RM10\ 000}{RM400\ 000} \times 100\%$ $= 2.5\%$
Kecairan	Simpanan mudah dijadikan tunai.		

- Encik Leong merupakan **pelabur** yang **bijak** kerana nilai pulangan pelaburan beliau adalah tinggi berbanding Encik Zaidi dan Encik Navin.
- Dalam contoh ini, Encik Zaidi, Encik Leong dan Encik Navin masing-masing menggunakan modal yang sama, iaitu RM400 000. Keberkesanan pelaburan mereka boleh juga dibanding dengan jumlah pulangan masing-masing untuk tahun tersebut.

1. Berikut ialah dua orang pelabur yang melabur wang persaraan mereka.

Encik Rasamanie menerima wang persaraan dari syarikatnya sebanyak RM600 000. Beliau membeli satu lot kedai dua tingkat di Bangi, Selangor dan menerima sewa bulanan sebanyak RM3 500.



Encik Nik Izwan menerima wang persaraan dari syarikatnya sebanyak RM600 000. Beliau menyimpan RM150 000 dalam akaun simpanan tetap di sebuah bank perdagangan dengan kadar faedah 4% setahun. Beliau juga membeli unit amanah saham bernilai RM150 000.

Pada masa yang sama, Encik Nik Izwan juga membeli saham di Syarikat Cepat Maju bernilai RM100 000. Baki wang persaraan digunakan untuk membeli sebuah pangsapuri kos sederhana di Ampang dan menerima sewa sebanyak RM1 200 sebulan.



- Jelaskan tahap risiko pelaburan kedua-dua individu tersebut.
- Pada pandangan anda, siapakah merupakan pelabur yang bijak? Berikan justifikasi anda.
- Apakah faktor-faktor yang harus dipertimbangkan sebelum seseorang melabur dalam hartanah?

2. Pada tahun 2015, Encik Wong membeli sebuah rumah dengan harga sebanyak RM540 000. Beliau membayar 10% wang pendahuluan dan bakinya dibayar melalui pinjaman. Setelah menduduki rumah tersebut selama 20 tahun, Encik Wong mengambil keputusan untuk menjual rumah tersebut dengan harga RM900 000. Berikut ialah perbelanjaan yang terlibat.

Jumlah ansuran bulanan yang dibayar	RM666 000
Duti setem	RM15 000
Ejen komisen	RM8 000
Perbelanjaan lain	RM18 000

Hitung nilai pulangan pelaburan bagi Encik Wong.

3.2 Pengurusan Kredit dan Hutang

Apakah yang anda faham tentang kredit dan hutang?

Perkataan kredit boleh membawa beberapa maksud. Dalam dunia kewangan, **kredit** bermaksud satu perjanjian kontrak antara pembekal (contohnya bank atau institusi kewangan) dengan pengguna, yang mana pengguna boleh meminjam wang daripada pembekal untuk sesuatu kegunaan atau pembelian dan bersetuju membayar balik dalam suatu tempoh tertentu. Secara ringkas, kredit ialah satu kemudahan penangguhan bayaran yang diberikan oleh pembekal kepada pengguna.

Sebagai contoh, bank menawarkan kemudahan kredit kepada pelanggan dalam bentuk kad kredit. Jika pelanggan atau pemilik kad kredit menggunakan kad kredit tersebut dalam suatu transaksi urus niaga, maka bank akan membayar dahulu kepada penjual dan pelanggan membayar balik kepada bank dalam suatu tempoh tertentu kelak.

Kredit juga boleh bermaksud jumlah wang yang boleh dipinjam. Contohnya untuk kad kredit, jika had kad kredit ialah RM10 000, maka pemilik kad tersebut mempunyai kemampuan untuk membeli barang atau membuat transaksi sehingga RM10 000 dengan kad tersebut.

Hutang biasanya membawa maksud suatu amaun yang telah dipinjam tetapi belum dilunaskan. Jika suatu urus niaga dibuat dengan menggunakan kad kredit, maka kredit pada kad itu akan bertukar menjadi hutang.

Belanjawan peribadi ialah anggaran pendapatan dan perbelanjaan seseorang individu untuk satu tempoh tertentu. Amalan membuat belanjawan peribadi amat digalakkan supaya individu dapat

- (a) merancang perbelanjaan secara berhemah
- (b) mengelak daripada berbelanja berlebihan
- (c) menabung

STANDARD PEMBELAJARAN

Menjelaskan maksud kredit dan hutang, dan seterusnya menghuraikan pengurusan yang bijaksana tentang kredit dan hutang.



Bagaimanakah anda menguruskan kredit dan hutang dengan bijaksana?

- Pengguna kad kredit perlu menjelaskan bayaran hutang dalam tempoh yang ditetapkan oleh bank untuk menikmati tempoh tanpa faedah.
- Membayar jumlah penuh yang tertera pada penyata kad kredit.
- Jumlah minimum yang dibayar oleh pemegang kad kredit memberi peluang kepada bank untuk mengenakan caj atas baki dan juga boleh menyebabkan caj bayaran lewat dikenakan.
- Membayar pada tempoh diskaun tunai bagi pembayaran hutang.

Encik Syed membeli sebuah pendingin hawa yang berharga RM3 200 pada 15 Julai 2018. Beliau kekurangan wang tunai sebanyak RM1 200 tetapi memiliki kad kredit dari Bank Cemerlang. Beliau juga tahu bahawa kekurangan wang tunai ini boleh dibayar pada hujung bulan tersebut apabila beliau mendapat gaji.

- Apakah cara kemudahan kredit yang boleh digunakan oleh Encik Syed untuk mengatasi masalah kekurangan wang tersebut?
- Nyatakan kelebihan dan kelemahan cara pembayaran yang anda nyatakan dalam jawapan (a).

Penyelesaian:

- Encik Syed boleh menggunakan kemudahan kad kredit.
- Penggunaan kad kredit adalah lebih senang sekiranya Encik Syed membayar balik kreditnya dalam tempoh tanpa faedah supaya beliau tidak akan dikenakan sebarang caj.

Cetusan Minda 2 Berkumpulan

Tujuan: Kesan penggunaan kad kredit bagi pembelian barang-barang secara atas talian.

Langkah:

- Bahagikan kelas kepada empat hingga lima kumpulan.
- Setiap murid dalam kumpulan boleh melayari internet atau laman web berkaitan tajuk perbincangan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.
- Maklumat yang dikumpul harus dibentangkan dalam peta pemikiran yang sesuai di hadapan kelas.
- Peta pemikiran yang terbaik akan dipaparkan di sudut matematik.



Perbincangan:

Apakah kesan pembelian barang-barang secara atas talian?

Hasil daripada Cetusan Minda 2, didapati bahawa pembelian barang-barang melalui atas talian boleh menyebabkan pengguna berbelanja secara boros dan menyebabkan mereka berhutang. Maka, kita harus berhati-hati semasa membeli barang-barang secara atas talian.

UJI MINDA 3.2a

1. Apakah maksud pinjaman peribadi?
2. **Ramai orang mufliis disebabkan kad kredit**

Apakah cara untuk mengatasi situasi di atas?

3. Puan Zuraidah ingin membeli sebuah peti sejuk di Kedai Elektrik Hebat tetapi beliau kekurangan wang sebanyak RM2 500. Kedai Elektrik Hebat sendiri menyediakan pinjaman segera bagi pembelian dengan kadar faedah 4% setahun. Puan Zuraidah juga memiliki kad kredit. Apakah kemudahan kredit yang harus digunakan oleh Puan Zuraidah dan nyatakan kelebihanannya?



Apakah yang anda faham tentang kelebihan dan kekurangan kad kredit?

Penggunaan kad kredit semakin lazim pada masa sekarang. Sebagai pengguna adalah penting untuk kita sedar dan memahami kelebihan dan kekurangan dalam menggunakan kad kredit.

STANDARD PEMBELAJARAN

Mengkaji dan menghuraikan kelebihan dan kekurangan kad kredit dan penggunaannya secara bijaksana.

Kelebihan kad kredit	Kekurangan kad kredit
• Pengguna kad kredit boleh menikmati sistem ganjaran dalam bentuk rebat tunai atau penebusan mata. • Tidak perlu membawa tunai yang banyak. • Kaedah pembayaran yang mudah dan cekap. • Kemudahan membeli barangan dan perkhidmatan atas talian.	• Dibebankan dengan caj-caj seperti yuran tahunan, caj kewangan (faedah), caj faedah pendahuluan wang tunai dan caj bayaran lewat. • Berbelanja lebih daripada sepatutnya. • Sesetengah kedai tidak menerima pembayaran melalui kad kredit.

Akan tetapi, bukan semua individu layak untuk memiliki kad kredit. Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh seseorang pemohon.

- 21 tahun ke atas.
- Berpendapatan minimum RM24 000 setahun dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pihak bank.
- Perlu mempunyai penyata slip gaji atau dokumen sokongan.

Pengguna kad kredit perlu mematuhi tanggungjawab sebagai seorang pengguna kad kredit apabila menandatangani borang permohonan kad kredit.

- Menandatangani kad kredit sebaik sahaja diterima. Simpan kad kredit di dalam dompet supaya mudah sedar sekiranya hilang.
- Tidak memberikan butir-butir kad kredit kepada orang yang tidak dikenali.
- Hafal nombor pin dan tidak mencatat nombor pin di belakang kad.
- Semak urus niaga dalam penyata kad kredit yang diterima pada hujung bulan.

Apakah yang anda faham tentang kesan pembayaran minimum dan pembayaran lewat bagi penggunaan kad kredit?

Pemilik kad kredit akan menerima satu penyata kewangan untuk kad kredit setiap bulan. Dalam penyata tersebut, terdapat butiran seperti had kredit, tarikh penyata, jumlah terkini, jumlah bayaran minimum, jenis-jenis caj dan sebagainya.

Pemilik kad seharusnya membayar jumlah terkini (atau hutang kad kredit) dengan segera supaya tidak dikenakan sebarang caj kewangan. Tetapi bank memberi kelonggaran dengan membenarkan pengguna membayar dalam suatu tempoh tertentu yang dikenali sebagai tempoh tanpa faedah. Biasanya tempoh ini adalah selama 20 hari mulai daripada tarikh penyata.

Untuk menikmati keistimewaan ini setiap bulan, pemilik kad harus menjelaskan semua jumlah baki akhir penyata kad kredit atau pun membuat bayaran minimum dalam tempoh tanpa faedah. Bayaran minimum biasanya adalah 5% daripada jumlah baki akhir penyata kad kredit, atau minimum RM50.

Jika masih terdapat baki daripada jumlah terkini selepas tamat tempoh tanpa faedah, caj kewangan (atau faedah) akan dikenakan ke atas baki tersebut dalam kadar harian. Kebanyakan bank mengenakan kadar faedah tahunan di antara 15% hingga 18%.

Tambahan itu, jika tiada sebarang bayaran dibuat dalam tempoh tanpa faedah, maka caj bayaran lewat minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki belum jelas pada tarikh penyata bulan seterusnya akan dikenakan.

Contoh 16

Encik Ahmad menerima penyata kad kredit untuk bulan Januari 2019 dari Bank Sentosa. Penyata menunjukkan Encik Ahmad mempunyai jumlah terkini (baki tertunggak) RM5 200. Anggap bahawa Encik Ahmad tidak menggunakan kad kredit dalam bulan Februari.

- Berapakah bayaran minimum yang harus dibayar oleh Ahmad?
- Jika Encik Ahmad hanya membuat bayaran minimum untuk bulan Januari dan tarikh penyata ialah 15 hari daripada tarikh tamat tempoh tanpa faedah, apakah baki dalam penyata bulan Februari untuk Encik Ahmad?
- Jika Encik Ahmad terlupa membuat sebarang pembayaran untuk bulan Januari, apakah baki dalam penyata bulan Februari untuk Encik Ahmad?

Penyelesaian:

- Jumlah terkini = RM5 200
 5% daripada jumlah terkini = $\left(\frac{5}{100}\right) \times \text{RM5 200} = \text{RM260}$

Jumlah ini melebihi RM50, jadi bayaran minimum yang harus dibayar oleh Encik Ahmad ialah RM260.

- Baki belum dijelaskan = $\text{RM5 200} - \text{RM260} = \text{RM4 940}$
 Tempoh dikenakan caj kewangan = 15 hari = $(15 \div 365)$ tahun
 Faedah yang dikenakan = $\text{RM4 940} \times [(18 \div 100) \times (15 \div 365)] = \text{RM36.54}$

Jumlah terkini (Baki tertunggak) dalam bulan Februari = $\text{RM4 940} + \text{RM36.54} = \text{RM4 976.54}$

STANDARD PEMBELAJARAN

Mengkaji dan menghuraikan kesan pembayaran minimum dan pembayaran lewat bagi penggunaan kad kredit.

TIP

Pemegang kad kredit harus membayar sepenuhnya baki hutang kad kredit untuk membolehkan mereka menikmati tempoh tanpa faedah 20 hari sejak urusan niaga mula direkodkan atau tarikh penyata sehingga tamat tempoh berakhir bagi semua transaksi anda.

Namun, jika anda membayar hanya sebahagian daripadanya, anda akan kehilangan tempoh tanpa faedah tersebut.

TIP

Kita hendaklah bijak menggunakan kad kredit.

- (c) Baki belum dijelaskan = RM5 200
 Tempoh dikenakan caj kewangan = 15 hari = $(15 \div 365)$ tahun
 Faedah yang dikenakan = $\text{RM5 200} \times [(18 \div 100) \times (15 \div 365)] = \text{RM38.47}$
 Caj bayar lewat = $\left(\frac{1}{100}\right) \times (\text{RM5 200} + \text{RM38.47}) = \text{RM52.38}$
 Jumlah terkini dalam bulan Februari = $\text{RM5 200} + \text{RM38.47} + \text{RM52.38} = \text{RM5 290.85}$

Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah yang melibatkan penggunaan kad kredit?

STANDARD PEMBELAJARAN

Menyelesaikan masalah yang melibatkan penggunaan kad kredit.

Kita sebagai pengguna kad kredit harus sedar tentang kelebihan dan kekurangan kad kredit. Kita harus mengambil kira beberapa faktor sebelum menggunakan kad kredit seperti baki had limit yang sedia ada, aliran tunai semasa dan sebagainya.

Contoh 17

Cik Chin ingin membeli satu beg tangan buatan Perancis secara atas talian. Beliau melayari internet dan menjumpai dua promosi menarik berikut:

- Syarikat L di Singapura menawarkan harga promosi SGD250. Untuk tempahan daripada luar Singapura, caj kiriman SGD50 dikenakan.
- Syarikat V di Malaysia menawarkan harga promosi RM799. Penghantaran adalah percuma untuk semua tempahan ke alamat tempatan.



Cik Chin bercadang membuat pembayaran dengan kad kredit dan beliau faham bank akan mengenakan caj tambahan 1% ke atas setiap transaksi daripada luar negara. Andaikan kadar semasa pertukaran mata wang untuk ringgit Malaysia ialah

$$\text{RM1} = \text{SGD0.34}$$

Sebagai pengguna bijak, tawaran manakah yang Cik Chin harus pilih? Berikan justifikasi anda.

Penyelesaian:

Cik Chin harus membandingkan harga sebenar yang akan dibayar jika membeli daripada dua syarikat tersebut.

- (a) Syarikat L:

$$\text{Harga promosi} = \text{SGD250} \times (1 \div 0.34) = \text{RM735.29}$$

$$\text{Caj kiriman} = \text{SGD50} \times (1 \div 0.34) = \text{RM147.06}$$

$$\text{Caj tambahan oleh bank} = \text{RM735.29} \times \left(\frac{1}{100}\right) = \text{RM7.35}$$

$$\text{Harga sebenar yang akan dibayar} = \text{RM735.29} + \text{RM147.06} + \text{RM7.35} = \text{RM889.70}$$

- (b) Syarikat V:

$$\text{Harga promosi} = \text{RM799}$$

$$\text{Harga sebenar yang akan dibayar} = \text{RM799}$$

Walaupun harga promosi yang ditawarkan oleh Syarikat V adalah lebih murah, namun harga sebenar yang akan dibayar adalah lebih tinggi disebabkan caj-caj tambahan yang dikenakan untuk pembelian secara atas talian dari Syarikat V. Jadi, Cik Chin harus membeli dari Syarikat L kerana dapat berjimat RM90.70.

🔑 Bagaimanakah anda mengira bayaran balik pinjaman dan bayaran ansuran?



STANDARD PEMBELAJARAN

Mengira jumlah bayaran balik pinjaman dan bayaran ansuran, dengan pelbagai kadar faedah dan tempoh pinjaman yang berbeza.

Setiap pinjaman akan dikenakan faedah ke atas pinjaman dari tarikh pinjaman itu dilakukan. Terdapat dua jenis kaedah pengiraan faedah pinjaman, iaitu faedah kadar sama rata dan faedah atas baki.

Baki pinjaman wujud setelah menolak bayaran pendahuluan dan ditambah dengan jumlah faedah yang dikenakan.

Ansuran bulanan ialah jumlah amaun yang dibayar oleh peminjam kepada pihak bank setiap bulan bagi menjelaskan baki pinjaman.

🎨 Faedah sama rata

Dalam kaedah faedah sama rata, kadar faedah akan dikira pada jumlah pinjaman asal sepanjang tempoh pinjaman. Jadi jumlah faedah yang dikenakan setiap bulan adalah tetap.

Contoh 18

Puan Lim membeli sebuah kereta bernilai RM80 000 secara kredit. Beliau membayar bayaran pendahuluan sebanyak 10% dan bakinya dibayar secara ansuran selama 6 tahun. Kadar faedah sama rata yang dikenakan oleh bank ialah 4% setahun. Berapakah jumlah bayaran balik dan bayaran ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Puan Lim?

Penyelesaian:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pinjaman} &= \text{Harga belian} - \text{bayaran pendahuluan} \\ &= \text{RM80 000} - \text{RM8 000} = \text{RM72 000}\end{aligned}$$

$$\text{Faedah untuk 6 tahun} = \text{RM72 000} \times \frac{4}{100} \times 6 \text{ tahun} = \text{RM17 280}$$

$$\text{Jumlah bayaran balik} = \text{RM72 000} + \text{RM17 280} = \text{RM89 280}$$

Jumlah bayaran balik boleh dihitung dengan formula $A = P + Prt$

$$\begin{aligned}\text{Bayaran ansuran} &= \frac{\text{RM89 280}}{72 \text{ bulan}} = \text{RM1 240 sebulan} \\ \text{bulanan}\end{aligned}$$

Contoh 19

Encik Azlan membuat pinjaman peribadi sebanyak RM10 000 dari Bank Mulia dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik adalah selama 7 tahun.

Berapakah ansuran bulanan yang akan dibayar oleh Encik Azlan?

Penyelesaian:

$$A = P + Prt$$

$$\text{Pinjaman, } P = \text{RM10 000}$$

$$r = 4\%$$

$$t = 7 \text{ tahun}$$

Maka, jumlah bayaran balik

$$A = \text{RM10 000} + \left(\text{RM10 000} \times \frac{4}{100} \times 7 \right)$$

$$= \text{RM10 000} + \text{RM2 800}$$

$$= \text{RM12 800}$$

$$\text{Ansuran bulanan} = \frac{\text{RM12 800}}{84 \text{ bulan}} = \text{RM152.38}$$

Faedah atas baki

Selain daripada faedah sama rata, bank juga menawarkan faedah atas baki untuk sesetengah jenis pinjaman. Dalam kaedah faedah atas baki, jumlah faedah setiap bulan yang dikenakan ke atas pinjaman bergantung kepada jumlah baki pinjaman pada bulan tersebut. Oleh kerana terdapat bayaran ansuran setiap bulan, jumlah baki pinjaman akan berkurangan, dan dengan itu, jumlah faedah untuk setiap bulan juga akan berkurangan.

Namun perlu diingatkan bahawa untuk setiap ansuran yang dibayar setiap bulan, keutamaan diberikan untuk menjelaskan jumlah faedah pada bulan tersebut, dan kemudian baki selebihnya digunakan untuk menjelaskan baki jumlah pinjaman.

Contoh 20

Encik Harith membuat pinjaman peribadi sebanyak RM10 000 dari Bank Mulia dengan kadar faedah 6% atas baki. Tempoh bayaran balik adalah selama 7 tahun manakala ansuran bulanan adalah sebanyak RM150.

Hitung jumlah faedah yang perlu dibayar oleh Encik Harith bagi 3 bulan pertama.

Penyelesaian:

Bulan pertama

$$\text{Faedah bulan pertama} = \text{RM}10\,000 \times \frac{6}{100} \times \frac{1}{12}$$

$$= \text{RM}50.00$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pinjaman pada akhir bulan pertama} &= \text{RM}10\,000 + \text{RM}50 \\ &= \text{RM}10\,050 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Baki selepas bayaran ansuran bulan pertama} &= \text{RM}10\,050 - \text{RM}150 \\ &= \text{RM}9\,900 \end{aligned}$$

Bulan kedua

$$\text{Jumlah baki pinjaman pada awal bulan kedua} = \text{RM}9\,900$$

$$\text{Faedah bulan kedua} = \text{RM}9\,900 \times \frac{6}{100} \times \frac{1}{12}$$

$$= \text{RM}49.50$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pinjaman bagi akhir bulan kedua} &= \text{RM}9\,900 + \text{RM}49.50 \\ &= \text{RM}9\,949.50 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Baki selepas bayaran ansuran bulan kedua} &= \text{RM}9\,949.50 - \text{RM}150 \\ &= \text{RM}9\,799.50 \end{aligned}$$

Bulan ketiga

$$\text{Jumlah baki pinjaman pada awal bulan ketiga} = \text{RM}9\,799.50$$

$$\text{Faedah bulan ketiga} = \text{RM}9\,799.50 \times \frac{6}{100} \times \frac{1}{12}$$

$$= \text{RM}49.00$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pinjaman bagi akhir bulan ketiga} &= \text{RM}9\,799.50 + \text{RM}49.00 \\ &= \text{RM}9\,848.50 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Baki selepas bayaran ansuran bulan ketiga} &= \text{RM}9\,848.50 - \text{RM}150 \\ &= \text{RM}9\,698.50 \end{aligned}$$

$$\text{Jumlah faedah bagi tempoh tiga bulan pertama ialah } \text{RM}50.00 + \text{RM}49.50 + \text{RM}49.00 = \text{RM}148.50$$



Imbas QR Code atau layari
<http://yakini-pelajar.com/Bab%203/> untuk
mendapatkan maklumat
lanjut tentang pinjaman
faedah sama rata dan
faedah atas baki.

Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah yang melibatkan pinjaman?

STANDARD PEMBELAJARAN
Menyelesaikan masalah yang melibatkan pinjaman.

Contoh 21

Ameera ingin membeli sebuah kereta dan telah membayar wang pendahuluan sebanyak RM4 800. Baki bayaran akan dijelaskan melalui pinjaman kenderaan.



Nyatakan kelebihan dan kekurangan pinjaman kenderaan yang dipilih oleh Ameera.

Penyelesaian:

Kelebihan	Keburukan
• Bayaran balik pinjaman kenderaan secara ansuran bulanan membolehkan Ameera memiliki kereta tersebut. • Tidak perlu membayar sekali gus dengan tunai.	• Kereta boleh ditarik balik jika tidak menjelaskan bayaran ansuran. • Jumlah bayaran balik adalah tinggi disebabkan faedah.

Contoh 22

Encik Vincent mula berkhidmat sebagai seorang guru kerajaan, dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2 800. Beliau membuat keputusan untuk membeli sebuah kereta baharu untuk berulang alik dari rumah ke tempat kerjanya. Beliau menghubungi dua buah bank untuk mendapatkan pinjaman sebanyak RM40 000. Selain itu, setiap bulan beliau juga memerlukan RM1 500 untuk menampung perbelanjaan lain.

Berikut ialah pakej pinjaman yang ditawarkan oleh dua bank kepada Encik Vincent.

Aspek pinjaman	Bank A	Bank B
Jumlah pinjaman	RM40 000	RM40 000
Tempoh bayaran	9 tahun	6 tahun
Kadar faedah	4.5 %	5 %
Penjamin	Tidak perlu	perlu

TIP

Jangan meminjam wang daripada pemberi pinjaman wang tidak berlesen kerana:

- ♦ Pinjaman akan dibuat mengikut terma dan syarat yang tersendiri
- ♦ Mengenakan caj faedah yang sangat tinggi dengan kompaun harian.
- ♦ Meletakkan diri dan keluarga anda dalam keadaan bahaya sekiranya anda lewat membuat bayaran.
- ♦ Memaksa anda membuat pinjaman tambahan untuk melunaskan pinjaman yang terdahulu.

Kemukakan cadangan kepada Encik Vincent bank manakah yang sesuai dipilih untuk pinjaman keretanya. Nyatakan alasan anda.

Penyelesaian:

Memahami masalah

Jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Vincent dengan syarat tidak membebankannya.

Merancang strategi

- Menghitung faedah bulanan.
- Menghitung ansuran bulanan yang perlu dibayar.

Melaksanakan strategi

Jumlah bayaran balik yang akan dibayar kepada Bank A

$$A = P + Prt$$

$$A = \text{RM}40\,000 + \text{RM}40\,000 \times \frac{4.5}{100} \times 9$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bayaran balik} &= \text{RM}40\,000 + \text{RM}16\,200 \\ &= \text{RM}56\,200 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Ansuran bulanan} &= \frac{\text{RM}56\,200}{108 \text{ bulan}} \\ &= \text{RM}520.37 \end{aligned}$$

Jumlah bayaran balik yang akan dibayar kepada Bank B

$$A = P + Prt$$

$$A = \text{RM}40\,000 + \text{RM}40\,000 \times \frac{5}{100} \times 6$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bayaran balik} &= \text{RM}40\,000 + \text{RM}12\,000 \\ &= \text{RM}52\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Ansuran bulanan} &= \frac{\text{RM}52\,000}{72 \text{ bulan}} \\ &= \text{RM}722.22 \end{aligned}$$

Membuat kesimpulan

Encik Vincent harus memilih Bank A kerana Bank A mengenakan faedah yang lebih rendah berbanding dengan Bank B. Namun tempoh bayaran yang berlainan menyebabkan amaun faedah yang dibayar adalah berbeza. Oleh itu, Encik Vincent boleh juga memilih Bank B.

Cabaran Dinamis

Uji Diri

1. Apakah yang dimaksudkan dengan simpanan?
2. Nyatakan ciri-ciri berkaitan dengan Akaun Simpanan Tetap.
3. Encik Lipong menyimpan wang sebanyak RM8 000 di Bank Pantas dengan kadar faedah tahunan sebanyak 4% untuk 2 tahun. Berapakah jumlah simpanannya pada akhir tahun kedua?

Mahir Diri

1. Bagaimanakah strategi pemurataan boleh membantu seseorang pelabur?
2. Terangkan maksud pelaburan dalam hartanah.
3. Perbualan berikut adalah antara Ramesh dengan Ismail berkenaan pembelian saham.



Ramesh, saya baru sahaja membeli saham BHP Berhad.

Bagus Ismail, anda akan mendapat pulangan daripada pelaburan anda.

- (a) Terangkan tiga jenis pulangan yang akan diterima oleh Ramesh.
4. Berikut ialah dua jenis pelaburan.

Lee Chong membeli 3 000 unit syer syarikat awam berhad.

Mokhtar membeli 3 000 000 unit amanah saham.

Terangkan dua perbezaan antara dua jenis pelaburan tersebut.

5. Encik Shah ingin menyimpan wang sebanyak RM10 000 dalam akaun simpanan tetap selama 9 bulan.
Berikut ialah kadar faedah simpanan tetap yang ditawarkan oleh sebuah bank kepada Encik Shah.

	Kadar faedah tahunan
1 bulan	3.0
3 bulan	3.5
6 bulan	3.75
9 bulan	4.00
12 bulan	4.25

Hitung jumlah faedah yang akan diterima oleh Encik Shah jika beliau menyimpan selama 9 bulan.

6. Pada tahun 2018, Encik Zainal memiliki 6 000 unit syer Syarikat Vision Sdn. Bhd yang bernilai RM1 seunit. Pada tahun tersebut, syarikat itu mengisytiharkan sebanyak 6% dividen di samping bonus pada kadar 1 syer baharu bagi 2 unit syer yang dipegangnya. Pada akhir tahun 2018, harga saham meningkat kepada RM2.30 seunit.

Hitung

- jumlah dividen yang diterima oleh Encik Zainal.
 - jumlah unit syer bonus yang akan diterima oleh Encik Zainal.
 - jumlah unit syer yang dipegang oleh Encik Zainal selepas menerima syer bonus tersebut.
7. Lengkapkan jadual berikut.

Jumlah simpanan (RM)	Kadar faedah sama rata	Tempoh simpanan (tahun)	Jumlah faedah yang terkumpul
10 000	5%	2	
5 000		1	150
4 000	6%		720

8. Encik Kishendran menyimpan sebanyak RM5 000 dalam akaun simpanan tetap dengan kadar faedah 4% dan dikompaunkan 3 bulan sekali untuk tempoh masa 3 tahun. Hitung jumlah faedah yang terkumpul selepas tahun ketiga.

Masteri Kendiri

- Encik Oswald Alphonsus meminjam sebanyak RM15 000 dari Bank Yakin untuk memulakan perniagaan tukang jahit di Rawang. Bank mengenakan 5% dengan kadar faedah sama rata untuk tempoh pembayaran balik selama 5 tahun. Berapakah jumlah faedah yang akan dibayar oleh Encik Oswald Alphonsus kepada pihak bank?
- Puan Emily Francis menyimpan RM10 000 di sebuah bank. Pada akhir tahun kelapan, jumlah wang yang terkumpul berjumlah RM19 992.71. Jika pihak bank membayar faedah tahunan sebanyak $x\%$ bagi setahun dan dikompaunkan setiap 6 bulan sekali. Hitung nilai x .
- Puan Noraini Mitis menandatangani sejumlah wang ke dalam akaun simpanannya yang memberi kadar faedah 2% setahun dan dikompaun setiap suku tahun. Berapakah deposit Puan Noraini Mitis sekiranya wang yang terkumpul pada akhir tahun kelima adalah sebanyak RM7 734.26?
- Puan Zaiton membeli 1 000 unit saham Syarikat Pelita Berhad pada harga RM2.00 seunit. Pada akhir tahun, Syarikat Pelita Berhad membayar dividen sebanyak 20 sen seunit kepada semua pemegang saham syarikatnya. Pada tahun berikutnya, Puan Zaiton telah menjual semua saham yang dipegang apabila harga saham tersebut meningkat kepada RM2.20 seunit. Hitung nilai pulangan pelaburan bagi Puan Zaiton.

- Encik Iskandar membuat pinjaman peribadi sebanyak RM20 000 dari Bank Cergas dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik adalah selama 10 tahun. Berapakah ansuran bulanan yang patut dibayar oleh Encik Iskandar?
- Puan Balkis membuat pinjaman peribadi sebanyak RM8 000 dari Bank Sentosa dengan kadar faedah 4% setahun atas baki. Tempoh bayar balik adalah selama 4 tahun manakala ansuran bulanan adalah sebanyak RM110. Hitung jumlah faedah yang perlu dibayar oleh Puan Balkis dalam masa 2 bulan.
- Berikut merupakan risalah promosi yang ditawarkan oleh Syarikat Seng Hong.



137.1 cm

79.2 cm

60 Inch

TAWARAN HEBAT!

Televisyen

Harga Tunai
RM4 000

Ansuran
RM120 x 36

Perbualan berikut adalah antara Masnah Rasam dengan Nanak Aliong selepas mereka meneliti risalah promosi di atas.



Nanak Aliong, saya hendak membeli televisyen seperti di dalam risalah di atas secara ansuran kerana bayaran bulanan adalah rendah dan saya mampu untuk membayarnya.

Masnah Rasam, saya ingat lebih baik anda membeli secara tunai berbanding dengan secara ansuran.



- Apakah pandangan anda tentang pendirian Masnah Rasam?
 - Hitung jumlah faedah yang dibayar serta kadar faedah yang dikenakan melalui pembayaran ansuran.
 - Sekiranya anda hendak membeli televisyen, apakah pilihan yang anda akan lakukan?
- Cik Kayal meminjam dari Bank Desa sebanyak RM X dengan kadar faedah 5% setahun. Tempoh bayar balik adalah selama 8 tahun. Jika ansuran bulanan yang dibayar ialah RM218.75, berapakah jumlah wang yang dipinjam oleh Cik Kayal?
 - Encik Murugan telah meminjam dari Bank Orkid sebanyak RM16 000 untuk kegunaan peribadi. Beliau akan membayar balik dalam tempoh 5 tahun dengan ansuran bulanan sebanyak RM320. Berapakah faedah setahun yang dikenakan oleh pihak bank?
 - Puan Sapiah meminjam sebanyak RM12 000 dari sebuah bank dengan kadar faedah 3% setahun bagi 5 tahun. Manakala, Puan Shafiqah Ira meminjam amaun yang sama dari bank lain dengan kadar 4.5% setahun bagi 5 tahun. Nyatakan perbezaan antara jumlah faedah yang dibayar oleh Puan Sapiah dengan Puan Shafiqah Ira.

PROJEK


Andaikan anda memenangi RM1 juta dalam peraduan teka-teki.

1. Nyatakan cara-cara pelaburan yang akan anda lakukan.
2. Jelaskan sebab anda memilih cara pelaburan tersebut.



PETA KONSEP

Simpanan dan Pelaburan



IMBAS KENDIRI

Pada akhir bab ini, saya dapat:



1.	Mengenal pelbagai jenis simpanan dan pelaburan.		
2.	Membuat pengiraan yang melibatkan faedah mudah dan faedah kompaun bagi simpanan, dan seterusnya menerangkan kesan perubahan tempoh, kadar faedah atau pulangan dan kekerapan pengkompaunan terhadap nilai masa hadapan simpanan.		
3.	Membuat pengiraan yang melibatkan nilai pulangan pelaburan, dan seterusnya menerangkan faktor yang mempengaruhi pulangan pelaburan serta kesannya.		
4.	Membanding dan membeza potensi risiko, pulangan dan kecairan pelbagai jenis simpanan dan pelaburan.		
5.	Mengira purata kos sesyer bagi pelaburan saham menggunakan strategi pemurataan kos ringgit dan menjelaskan manfaat strategi ini.		
6.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan simpanan dan pelaburan.		
7.	Menjelaskan maksud kredit dan hutang, dan seterusnya menghuraikan pengurusan yang bijaksana tentang kredit dan hutang.		
8.	Mengkaji dan menghuraikan kelebihan dan kekurangan kad kredit dan penggunaannya secara bijaksana.		
9.	Mengkaji dan menghuraikan kesan pembayaran minimum dan pembayaran lewat bagi penggunaan kad kredit.		
10.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan penggunaan kad kredit.		
11.	Mengira jumlah bayaran balik pinjaman dan bayaran ansuran, dengan pelbagai kadar faedah dan tempoh pinjaman yang berbeza.		
12.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan pinjaman.		

JELAJAH MATEMATIK

Anda boleh melayari laman web Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mengira tempoh masa yang diperlukan serta jumlah faedah yang perlu dibayar untuk menyelesaikan hutang kad kredit.

